

# Suami isteri dihimpit hutang kerana tidak bijak urus wang

10 Aug 2014

Berita Harian

**MASALAH** hutang Encik Selamat (bukan nama sebenar), 45 tahun, bermula daripada hutang kad kredit beberapa tahun lalu.

Ekoran pengurusan kewangan lemah, penjaga stor itu tidak mampu membayar hutang kad kredit dan akhirnya mempunyai rekod kredit negatif.

Disebabkan gagal mendapatkan pinjaman bank bagi membiayai pinjaman kereta dan bil lain, beliau mendapatkan isterinya, Cik Safidah (bukan nama sebenar), untuk membuat beberapa pinjaman bank bagi pihaknya.

Tidak lama kemudian, pasangan yang mempunyai dua anak itu tidak dapat membuat bayaran bulanan dan bergelut dengan masalah membayar bil.

Tanpa pengetahuan suaminya, Cik Safidah, 43 tahun, mula meminjam wang daripada teman-teman untuk membayar bil dan hutang-hutangnya.

Namun selepas itu, beliau tidak mampu membayar balik. Secara sembunyi-sembunyi penyambut tamu itu kemudian meminjam wang daripada firma pemiutang berlesen di sekitar pejabatnya.

Cik Safidah meminjam \$5,500 kesemuanya daripada lima firma berlainan.

Disebabkan terlalu kesempitan wang, beliau tidak dapat membayar hutang-hutang itu ekoran kadar faedah terlalu tinggi dan tempoh pembayaran pendek.

Cik Safidah, yang mempunyai masalah kesihatan seperti kencing manis dan kolesterol tinggi, mula diganggu firma-firma itu dan akhirnya kehilangan pekerjaannya.

Encik Selamat akhirnya mendapat tahu apa yang berlaku dan membantu isterinya menangani masalah tersebut.

Ekoran masalah hutang mereka terlalu teruk, pasangan itu akhirnya mendapatkan bantuan Pusat Nasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP).

"Dengan bimbingan dan sokongan yang diberi, mereka menumpukan usaha memantapkan kedudukan kewangan mereka dan keperluan keluarga dahulu sebelum membayar hutang-piutang," ujar DAC.

Kini mereka berada di bawah pelan pengurusan hutang dengan kesemua bank dan melangsaikan semua hutang dengan firma pemiutang berlesen.

# Perlu fahami kos pinjaman



**ENCIK SAIFUL NIZAM:** Pengurusan kewangan yang lemah membuatkan seseorang terjerumus alam hutang yang teruk.

10 Aug 2014

Attiyah Mohd Said

JIKA separuh daripada gaji anda digunakan untuk membayar hutang setiap bulan, sudah tiba masanya anda menyemak kewangan anda kerana ini mungkin bermakna anda berada dalam keadaan hutang melarat.

Penolong Pengurus Pusat Nasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Saiful Nizam Jemain, berkata masalah hutang teruk sangat meluas.

Bahkan, 76 peratus pelanggan yang mendapatkan bantuan daripada DAC sudah berada dalam keadaan hutang teruk dan melarat.

“Walaupun ada daripada mereka yang meminta bantuan masih dalam peringkat awal, majoriti hanya mendapatkan pertolongan apabila di peringkat kritikal. Ini bermakna mereka berdepan dengan tindakan guaman atau hutang dengan ramai kreditor atau sudah menggunakan wang keluarga atau teman tetapi masih tidak dapat melangsaikan hutang mereka,” kata Encik Saiful.

Berdasarkan perangkaan terkini DAC, 38 peratus pelanggannya memohon bantuan apabila 50 peratus hingga 90 peratus daripada gaji mereka digunakan bagi membayar hutang.

Sebanyak 38 peratus pula membelanjakan semua gaji mereka dan duit daripada sumber lain untuk membayar hutang piutang, sekali gus tidak meninggalkan sesen pun untuk keluarga.

“Keadaan ini akan mendorong mereka meminjam duit daripada sumber-sumber lain, seperti keluarga, kawan atau firma peminjam wang berlesen, untuk membayar hutang, lantas mewujudkan hutang baru,” jelas Encik Saiful.

Apakah sebab utama seseorang itu terjerumus dalam masalah hutang teruk?

Menurut Encik Saiful, keadaan ini berpunca daripada pengurusan kewangan lemah.

Ramai pelanggan, katanya, tidak meluangkan masa membuat kira-kira pendapatan dan perbelanjaan terperinci, jadi mereka tidak sedar yang mereka mempunyai masalah hutang teruk atau menanggung hutang baru, sehingga sudah terlambat.

“Satu lagi sebab ialah mereka tidak faham risiko kewangan atau kos tidak melangsaikan hutang atau menanggung pembayaran hutang.

“Satu tinjauan kecil yang kami lakukan mendapati 66 peratus pelanggan DAC tidak tahu apakah kadar faedah yang dikenakan.

Dalam kalangan yang tahu, mereka hanya tahu kadar faedah bagi sesetengah pinjaman mereka sahaja,” Encik Saiful.

Beliau menarik perhatian bahawa individu yang meminjam daripada firma pemiutang berlesen mahupun tidak berlesen lazimnya lebih cepat tersepit dalam keadaan hutang teruk dalam masa dua hingga tiga bulan ekoran kadar faedah dan caj pembayaran lambat terlalu tinggi.

Ini berbanding mereka yang meminjam daripada institusi kewangan, yang secara purata akan terjerumus dalam masalah hutang teruk dalam masa enam bulan hingga setahun.

Lebih banyak dipinjam, lebih tinggi kadar faedah dan caj bayaran lewat.

Lantaran itu, Encik Saiful menasihatkan orang Melayu/Islam yang mempunyai hutang supaya memahami kos pinjaman mereka.

“Berapa banyak faedah yang anda bayar? Adakah cara lain untuk mengurangkan kos faedah? Misalnya, kemudahan saluran kredit menawarkan kadar faedah lebih rendah berbanding kad kredit. Elakkan juga daripada pembayaran lewat.

“Bagi yang ada hutang kad kredit, bayarlah sekurang-kurangnya jumlah bayaran minimum.

Dengan cara ini, anda dapat menyelesaikan hutang dalam masa beberapa tahun, dengan syarat anda berhenti menggunakan kad-kad anda dan fokus pada pembayaran semula.

“Bagi yang mula mempunyai masalah membayar semula, adalah penting anda menangani situasi itu dengan cepat. Hubungi dan berbincanglah dengan kreditor anda tentang pilihan pembayaran yang lebih dimampui. Jangan mengelak masalah dengan kreditor kerana ini akan memburukkan keadaan dan membuat masalah hutang anda lebih teruk,” kata beliau.